

07/07/2000

Usaha cangkil bakat pekerja kilang

Zubir Mohd Yunus

MENYEDARI adanya ramai bakat terpendam kalangan remaja yang bekerja di sektor perindustrian negara, satu usaha bagi mengetengahkan mereka diambil oleh Gerakan Belia 4B Selangor dengan kerjasama Brain Music.

Langkah itu ialah menganjurkan Pertandingan Nyanyian Bintang Industri 2000.

Pengerusi Gerakan Belia 4B Selangor, Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman, berkata pihaknya sudah mengenal pasti mereka yang bekerja di sektor perkilangan, kebanyakannya terdiri daripada belia berusia 18 hingga 28 tahun.

"Pada peringkat umur begini, kebanyakan mereka meminati hiburan terutama nyanyian. Remaja pasti mencari jalan seperti mengunjungi pusat hiburan sebagai memenuhi kehendak mereka itu.

"Saya sedar, pendapatan yang mereka terima setiap bulan ada kalanya tidak dapat menampung perbelanjaan mereka kalau selalu berkunjung ke pusat karaoke.

"Dengan adanya pertandingan seumpama ini, sekurang-kurangnya memenuhi cita rasa belia dalam menjelmakan impian menjadi penyanyi dikenali atau melahirkan album sendiri suatu hari nanti.

"Sudah terbukti banyak penyanyi popular lahir dari sektor perkilangan. Nama seperti Ramlah Ram, Amelina dan terbaru Fauziah Idris, mencipta populariti sebagai artis rakaman selepas beberapa tahun bergelar pekerja kilang.

"Selain itu, latihan nyanyian atau pertandingan yang diadakan di kawasan bekerja, secara tidak langsung memantau masalah sosial yang dikhuatiri berlaku jika mereka keluar malam untuk mencari hiburan," katanya.

Dia berkata demikian pada sidang media Pertandingan Nyanyian Bintang Industri 2000, peringkat Selangor Darul Ehsan, di Hotel Dynasty, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir di majlis itu ialah pegawai kanan Gerakan Belia 4B Selangor dan Brain Music selain beberapa wakil penaja pertandingan nyanyian itu.

Ahmad Bhari berkata, pada peringkat permulaan ini, Selangor dipilih sebagai tuan rumah dan ia bertepatan kempen Tahun Melawat Selangor 2000.

"Sekiranya pertandingan ini berjalan lancar dan mendapat sambutan, ia mungkin diteruskan ke negeri lain. Selain itu, tajaan yang kami terima agak menggalakkan dan berharap selepas ini sektor awam dan swasta yang berminat bekerjasama, boleh berhubung terus dengan kami.

"Kami juga mendapat ilham menjayakan pertandingan ini selepas mendengar ucapan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap di Perhimpunan UMNO ke-54, baru-baru ini," katanya lagi.

Dalam ucapan itu, dia menyeru kalangan pemimpin khususnya pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan berusaha menyelami hati belia dengan lebih berkesan.

Program Gerakan Belia 4B Selangor dan Brain Music ini sekali gus dianggap agenda untuk memartabatkan kerjaya pekerja industri yang selama ini memainkan peranan penting sebagai pemangkin kemajuan ekonomi negara.

Pegawai Perhubungan Awam Brain Music, Baharin Abu Hassan, ketika ditemui berkata, pihaknya diberi tanggung jawab menyediakan format pertandingan selain Radio Malaysia Selangor sebagai stesen penyiar rasmi.

Terdapat tiga kategori pertandingan iaitu Kategori Lagu Irama Etnik Malaysia, Kategori Pop & Bebas dan Kategori Untuk Pekerja Warga Asing.

Tarikh tutup pendaftaran bagi penyertaan kilang ialah 29 Julai ini dan tarikh akhir penghantaran nama-nama wakil kilang untuk setiap kategori ke

peringkat awal antara kilang ialah 2 Oktober depan.

Bagi mereka yang berminat, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Penganjur
Pertandingan Nyanyian Bintang Industri 2000 menerusi talian 03-4041 1467
atau 019-3630 331.

(END)